

Oleh: **Dr. Iskandar Hasan Tan Abdullah**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian  
Polisi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.



# Liku Kepimpinan BAPA PEMBENTUKAN MALAYSIA

Kebanyakan daripada generasi hari ini semakin melupai sejarah perjuangan sebuah negara bernama Malaya yang kemudiannya terbentuknya Malaysia pada hari ini. Tokoh insan yang paling banyak berjasa atas kewujudan Malaysia dengan melalui suka duka dalam liku kepemimpinan seorang insan, ialah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

**T**unku dilahirkan di Istana Tia Tangga, Alor Setar, Kedah atau lebih dikenali sebagai Istana Pelamin. Tunku merupakan anak lelaki yang ketujuh dan anak ke-20 kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah, iaitu Sultan Kedah yang ke-24. Tunku telah berhijrah ke England untuk mengambil jurusan perundangan dan merupakan seorang pakar perundangan British. Tunku merupakan tokoh yang paling sesuai dalam rundingan pembentukan Malaya kerana beliau dikatakan amat memahami budaya, politik dan perundangan British.

Kepimpinan Tunku bertitik tolak dari tahun 1957 setelah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama selepas Tanah Melayu mendapat kemerdekaan sehinggalah berakhir pada tahun 1970. Kelebihan Tunku yang dipilih oleh rakyat Tanah Melayu menjadi Perdana Menteri tentunya disebabkan rasa hormat terhadap golongan bangsawan yang dianggap

sebagai layak untuk menjadi pemerintah. Malahan kedudukan Tunku yang merupakan anak kepada Sultan Kedah dan mempunyai pendidikan yang tinggi dijadikan sebagai ukuran kepercayaan rakyat terhadap beliau. Tunku juga mendapat sokongan kuat daripada golongan bangsawan dan masyarakat elit Melayu Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan pihak pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu semasa rundingan kemerdekaan pembentukan Malaya.

Dari aspek kepimpinan, Tunku lebih menjurus pada pemeliharaan undang-undang dan peraturan di samping menekankan dasar pembangunan sosioekonomi dan pertimbangan komunal. Hal ini dilaksanakan untuk memenuhi aspirasi kependudukan kepelbagaian etnik. Kepimpinan Tunku juga lebih berpandukan pada pendekatan sistem politik yang menitikberatkan hubungan antara kerajaan dengan masyarakat yang dapat wujud dalam satu hubungan yang lebih stabil. Pendekatan Tunku ini menggunakan fungsi sentralisasi dalam menjalankan sistem pentadbiran kerajaan dan pada masa yang sama beliau mempunyai jumlah sokongan melebihi dua pertiga di Dewan Rakyat, selain berdepan dengan ancaman komunis pada masa tersebut.

Beliau mendapat kepercayaan daripada pihak British untuk terus menyokong kerajaan pimpinan beliau dalam menentang komunis. Situasi ini mendorong kepada kepimpinan bersifat demokrasi baharu anjuran British seperti faktor kebebasan berpolitik dan bersuara serta pemerintahan mengikut undang-undang. Tunku diperkatakan sebagai seorang nasionalisme yang sentiasa mementingkan partisipasi daripada semua kaum dalam parti perikatan yang diterajunya.

Sebahagian besar dasar yang dijalankan oleh Tunku adalah untuk mengimbangi antara kepentingan kaum Melayu dengan kaum lain. Maka dalam Perhimpunan UMNO ke-11, Tunku berkata,

*"Walaupun UMNO merupakan parti Melayu yang terbesar tetapi kedudukan UMNO amat berlainan daripada parti-parti bukan Melayu kerana tanggungjawab kita bukan terletak pada nasib kaum Melayu tetapi juga kaum-kaum lain. Oleh hal yang demikian, saya percaya Tanah Melayu mampu mendapatkan kemerdekaan dengan adanya kerjasama dengan kaum bukan Melayu. Malahan, UMNO telah bersumpah untuk mendapatkan kemerdekaan tanpa adanya pertumpahan darah maka kita patut mempertimbangkan hak kita sebagai bangsa bermaruah tanpa mengabaikan hak-hak kaum bukan Melayu dalam perjuangan kemerdekaan. Kita harus berbangga bahawa kaum bukan Melayu yang bekerjasama dengan kita dalam perjuangan ini telah melafazkan ketaatsetiaan terhadap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka".*

Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tetapi pihak British masih mempunyai kuasa khas ke atas negara ini dalam tempoh 10 tahun seperti yang termaktub dalam Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu dan menyebabkan kuasa Tunku dibatasi. Hal ini menurus pada kepimpinan Tunku menggunakan politik akomodasi bagi memperbaiki kerajaan yang diwarisi dari British. Dalam usaha untuk melakukan perubahan selepas kemerdekaan, Tunku menekankan aspek pembangunan nasional dan institusi awam. Hasilnya, kesan daripada penstrukturan semula jentera pentadbiran tersebut telah menyebabkan Tunku menggunakan pendekatan prosedur dengan peminjaman pakar politik pentadbiran dalam usaha mentransformasikan pembaharuan dalam sebuah negara yang baru lahir bernama Malaya.

Tunku turut menjalinkan hubungan dengan negara-negara Komanwel khususnya hubungan dengan Great Britain bagi melangsungkan pemerintahan kerajaan demokrasi pimpinan Tunku. Kepentingan pertubuhan Komanwel terhadap pimpinan kerajaan Tunku disebabkan oleh beberapa faedah yang diperoleh sebagai anggota Komanwel dalam menyekat perjuangan Parti Komunis Malaya. Bantuan yang diberi termasuklah penubuhan skuad elit tentera VAT 69

yang dilatih oleh Great Britain dalam menghadapi peperangan gerila dalam hutan.

Tunku juga melaksanakan perjanjian pertahanan dengan Britain, Australia dan New Zealand yang menjanjikan bantuan sekiranya Malaysia diserang oleh mana-mana pihak. Hal ini terbukti semasa berlakunya konfrontasi dengan Indonesia dan Filipina. British bukan sahaja menghulurkan bantuan, malah turut mengadakan kerjasama pertahanan dan latihan ketenteraan dalam menguatkan pertahanan Malaya dalam memerangi komunis dan ancaman Indonesia.

Selain daripada dasar anti-komunis yang dijalankan oleh pimpinan Tunku, kerajaan Tunku juga telah mendapat beberapa kemudahan dan faedah seperti mengadakan kerjasama antara negara anggota dalam bidang politik, ekonomi, alam sekitar dan sosial yang bertujuan memajukan ekonomi negara dan membasmi kemiskinan. Melalui cara ini, pengaruh komunis dapat dipatahkan. Malahan, Komanwel juga menyediakan platform untuk memajukan negara anggota khususnya dalam pembangunan infrastruktur dan kemudahan fizikal supaya dapat membantu menyelesaikan masalah bersama yang sedia ada. Tunku menyertai Komanwel kerana dengan harapan dapat membawa masuk Sabah, Sarawak dan Singapura ke dalam Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini bertujuan menyekat pengaruh komunis daripada merebak ke Semenanjung Tanah Melayu dan pada waktu yang sama dapat menyeimbangkan komposisi penduduk bumiputera dan bukan bumiputera. Kerajaan Pimpinan Tunku khawatir akan ketidakpastian dasar Presiden Sukarno, Indonesia yang dikuasai oleh pengaruh komunis dan kewujudan konfrontasi akan memberikan peluang bagi Parti Komunis Indonesia mengembangkan sayapnya ke Malaysia. Maka itu, satu Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya dimeterai dengan Britain bagi tujuan melindungi Malaysia daripada amuk ganas tentera Indonesia dengan kerjasama Parti Komunis Indonesia dan Parti Komunis Malaya.

Malahan, kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura dikatakan dapat mengekang pengaruh komunis yang semakin luas dan dianggap sebagai ancaman terhadap kedaulatan kemerdekaan Tanah Melayu disebabkan oleh ancaman Parti Komunis Malaya yang semakin hilang sokongan di Tanah Melayu telah beralih ke Sabah dan Sarawak. Tunku tiada pilihan melainkan menggabungkan wilayah tersebut ke dalam Persekutuan

Tanah Melayu. Sesuai dengan kehendak Sabah dan Sarawak yang mengharap keselamatan dan perpaduan kaum apabila memasuki Malaysia, lantas situasi tersebut menguatkan lagi semangat untuk memenuhi harapan sebuah negara impian bangsa Malaysia.

Secara kesimpulannya, gagasan pembentukan Malaysia merupakan jalan pintas untuk mencapai kemerdekaan bagi Sabah dan Sarawak, sekali gus dapat membantu golongan bumiputera Sabah dan Sarawak supaya lebih terlibat dalam pentadbiran negeri masing-masing dan bukannya bergantung pada Semenanjung Tanah Melayu. Pada 16 September 1963, kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Tanah Melayu menjadi kenyataan dan kesannya melibatkan pembentukan sebuah negara baharu, iaitu Persekutuan Malaysia.

Sebagaimana kenyataan Stockwell, pembentukan Persekutuan Malaysia bertujuan untuk mewujudkan keselamatan dan keamanan kepada sekumpulan wilayah yang sebahagiannya belum lagi wujud sebagai sebuah negeri yang bebas. Hal ini disokong oleh kenyataan Tunku dalam artikel petikan jurnal *Foreign Affairs*,

*"Kita telah berjaya mengatasi ancaman komunis di Tanah Melayu tetapi kita juga menyedari perkembangan pengaruh komunis yang tersembunyi dan berbahaya di negara-negara serantau. Saya menyedari dan bimbang dengan pengaruh komunisme di Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam. Eksploitasi komunis dan perasaan anti-kolonial berlaku dengan pola yang sama kita lalui di Tanah Melayu sekarang ini berlaku di kawasan tersebut. Saya rasa masa semakin kurang dan ancaman komunis telah menjadi semakin mendesak, masalah ini kita perlu atasi segera sekiranya kita inginkan kebebasan dan jauh dari bahaya. Oleh itu, dalam bulan Mei 1961 untuk pertama kali saya mengumumkan harapan saya untuk membentuk Malaysia demi membolehkan masyarakat di negeri-negeri ini untuk mencapai kemerdekaan yang mereka ingini dan dalam masa yang sama meletakkan satu noktah terhadap masalah kolonialisme di sana."*

Natijahnya pembentukan negara bangsa Malaysia telah memberikan kestabilan, keamanan dan keharmonian terhadap negara ini bersesuaian dengan Tema Hari Kebangsaan, iaitu "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan".